

## **BAB 21**

### **PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN**

#### **21.1 LAPORAN TAHUNAN**

21.1.1 Laporan Tahunan hendaklah disediakan secara komprehensif dan di mana bersesuaian, angka-angka perbandingan dan peratusan perubahan hendaklah disediakan untuk memberi gambaran arah aliran perubahan dari setahun ke setahun. Laporan Tahunan hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara-perkara berikut:

- 21.1.1.1 Maklumat korporat;
- 21.1.1.2 Latar belakang Universiti;
- 21.1.1.3 Laporan Pengerusi;
- 21.1.1.4 Laporan ke atas bantuan Kerajaan;
- 21.1.1.5 Analisis Prestasi Kewangan;
- 21.1.1.6 Laporan Prestasi;
- 21.1.1.7 Penyata Kewangan yang telah diaudit; dan
- 21.1.1.8 Maklumat-maklumat lain.

21.1.2 Garis panduan penyediaan Laporan Tahunan adalah seperti Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

#### **21.2 LAPORAN KE ATAS BANTUAN KERAJAAN**

21.2.1 Bantuan kewangan yang diterima daripada Kerajaan dan penggunaan bantuan tersebut serta angka-angka untuk tahun semasa dan tahun sebelumnya hendaklah disediakan dalam Laporan Tahunan untuk membolehkan perbandingan dibuat. Maklumat-maklumat berikut haruslah disediakan:

- 21.2.1.1 Pemberian (Geran)
  - 21.2.1.2 Pemberian perbelanjaan mengurus (amaun yang diterima dan penggunaannya);
  - 21.2.1.3 Pemberian perbelanjaan pembangunan (amaun yang diterima dan penggunaannya);
  - 21.2.1.4 Pemberian khas (tujuan pemberian itu, amaun yang diterima dan penggunaannya);
  - 21.2.1.5 Aset modal yang dihadiahkan (perihal, nilai dan usia guna yang dianggarkan serta penggunaan aset itu); dan
  - 21.2.1.6 Pemberian yang telah diluluskan tetapi belum lagi diterima (jenis atau tujuan pemberian, amaun dan tarikh jangkaan pemberian diterima).
- 21.2.2 Pinjaman
- 21.2.2.1 Pinjaman (tujuan dan syarat pinjaman, amaun yang diterima, amaun bayaran balik serta baki pinjaman);
  - 21.2.2.2 Pinjaman yang telah diluluskan tetapi belum lagi diterima (tujuan dan syarat pinjaman, amaun serta tarikh jangkaan pinjaman diterima); dan
  - 21.2.2.3 Tunggakan bayaran balik pinjaman (amaun dan usia tunggakan itu).
- 21.2.3 Jaminan
- 21.2.3.1 Jaminan pinjaman (tujuan dan amaun yang dijamin); dan
  - 21.2.3.2 21.2.3.2 Jaminan yang sedang diusahakan untuk diperolehi (tujuan jaminan, amaun dan tarikh jangkaan jaminan akan diperolehi).

### **21.3 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN**

- 21.3.1 Di mana bersesuaian, angka-angka perbandingan, carta/graf atau analisis nisbah kewangan mengenai maklumat kewangan yang penting bagi jangka masa 5 tahun

atau lebih perlu disediakan untuk memberi gambaran arah aliran prestasi Universiti. Maklumat-maklumat ini merangkumi:

- 21.3.1.1 Aset yang digunakan (aset bukan semasa, pelaburan dan aset semasa bersih) dan nisbah pusingan aset;
- 21.3.1.2 Punca-punca kewangan (bantuan kewangan daripada Kerajaan, pinjaman, overdraf bank dan lain-lain) dan peratusan aset yang dibiayai oleh jumlah liabiliti/liabiliti semasa;
- 21.3.1.3 Rizab;
- 21.3.1.4 Liabiliti bukan semasa;
- 21.3.1.5 Jualan/penerimaan dan analisis kadar keuntungan kasar;
- 21.3.1.6 Untung/rugi atau lebihan/kurangan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan;
- 21.3.1.7 Pelaburan dalam syarikat subsidiari termasuklah:
  - a. Aset bersih;
  - b. Untung/rugi atau lebihan/kurangan;
  - c. Dividen dan lain-lain;
  - d. Penurunan nilai pelaburan (*diminishing value in investment*); dan
  - e. Pinjaman dan pendahuluan antara Universiti dengan anak syarikat (*intra-group balance*)
  - f. Pelaburan dalam syarikat bersekutu atau syarikat usaha sama (*joint venture*).

## **21.4 JADUAL BAGI PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN**

- 21.4.1 Kerajaan telah memutuskan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti hendaklah dibentangkan di Parlimen dalam tempoh satu tahun selepas berakhirnya tahun kewangan. Dengan itu tarikh-tarikh penting bagi penyediaan dan

pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti (termasuk subsidiari/anak syarikat) adalah seperti berikut:

PROSES KERJA	TINDAKAN	SUMBER RUJUKAN	TARIKH
Penyediaan Penyata Kewangan oleh Pejabat Bendahari.	Pejabat Bendahari	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan</li> <li>2. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998</li> <li>3. Perlembagaan Universiti, Bahagian V: Peruntukan Kewangan</li> </ol>	Di antara bulan Januari dan April
Pembentangan Penyata Kewangan Belum Diaudit dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi membolehkan Jawatankuasa ini mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan isu-isu atau perkara-perkara yang berkaitan dalam Penyata yang disediakan.	Jawatankuasa Audit	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998</li> </ol> <p>Kertas Kerja LPU 99/2013: Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Audit Universiti Malaysia Kelantan</p>	Di antara bulan Januari dan April
Pembentangan Penyata Kewangan Belum Diaudit dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan bagi membolehkan Jawatankuasa ini membuat perakuan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dan memaklumkan kepada pihak Lembaga.	Jawatankuasa Tetap Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perlembagaan Universiti, Bahagian V: Peruntukan Kewangan</li> <li>2. Kertas Kerja LP 1/2014: Cadangan Perubahan Kuasa Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti.</li> </ol>	Di antara bulan Januari dan April
Pembentangan Penyata Kewangan Belum Diaudit dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.	Lembaga Pengarah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan</li> </ol>	Tidak Lewat daripada 25 April

PROSES KERJA	TINDAKAN	SUMBER RUJUKAN	TARIKH
		Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan 2. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 3. Perlembagaan Universiti, Bahagian V: Peruntukan Kewangan	
Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan menandatangani Pengakuan Berkanun untuk Penyata Kewangan.	Bendahari	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Sebelum 30 April (ditandatangani sebelum atau pada tarikh Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah ditandatangani)
Penyata Kewangan dikemukakan oleh pihak Universiti kepada Ketua Audit Negara untuk tujuan pengauditan bagi setiap tahun kewangan.	Jabatan Audit Negara	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 30 April
Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit daripada Ketua Audit Negara.	Jabatan Audit Negara dan Universiti	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 31 Julai
Pembentangan Penyata Kewangan yang telah diaudit kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan.	Pejabat Bendahari	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 15 Ogos
Pembentangan Penyata Kewangan yang telah diaudit kepada Lembaga Pengarah.	Pejabat Bendahari	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan	Tidak lewat daripada 15 Ogos

PROSES KERJA	TINDAKAN	SUMBER RUJUKAN	TARIKH
		Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	
Menandatangani penyata yang perlu disertakan dalam Penyata Kewangan seperti berikut: a. Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk); b. Penyata Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Kumpulan); dan Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan (sekiranya ada pindaan pada Penyata Kewangan)	Pejabat Bendahari	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 15 Ogos
Mengemukakan kembali Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah lengkap ditandatangani kepada Ketua Audit Negara.	Universiti dan Pejabat Bendahari	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 22 Ogos
Ketua Audit Negara mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara.	Jabatan Audit Negara	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 30 Ogos
Mengemukakan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit kepada Jemaah Menteri.	Pejabat Bendahari dan Bahagian Penerbitan	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 31 Oktober

PROSES KERJA	TINDAKAN	SUMBER RUJUKAN	TARIKH
Urusan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan di Parlimen.	Kementerian	PPP: PA 3.1/2013: Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Tidak lewat daripada 31 Disember

## 21.5 LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUNAN

21.5.1 Untuk tujuan membolehkan Jemaah Menteri mengetahui secara umum kedudukan kewangan dan prestasi Universiti dengan lebih awal, satu Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi Tahunan hendaklah disediakan oleh Universiti untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

21.5.2 Laporan hendaklah disediakan dalam bentuk yang ringkas dan padat iaitu tidak melebihi tiga (3) muka surat yang dapat memberi gambaran tentang prestasi keseluruhan Universiti dari segi pengurusan kewangan, kecekapan dan keberkesanan operasi-operasi dan kualiti *output*. Maklumat yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

21.5.2.1 Perangkaan kewangan yang penting

21.5.2.2 Maklumat pencapaian Universiti: dan

21.5.2.3 Penerangan ringkas mengenai prestasi keseluruhan Universiti dalam tahun berkenaan.

## 21.6 PERANGKAAN KEWANGAN YANG PENTING

21.6.1 Perangkaan-perangkaan kewangan yang perlu dilaporkan adalah seperti berikut:

21.6.1.1 Pendapatan: Nyatakan jumlah pendapatan hasil pemberian Kerajaan dan pendapatan sumber dalaman badan berkanun dalam tahun

- berkenaan. Ia meliputi pendapatan dari operasi, terimaan/subsidi dari Kerajaan dan lain-lain terimaan/pendapatan.
- 21.6.1.2 Perbelanjaan: Nyatakan jumlah perbelanjaan dalam tahun berkenaan. Ia meliputi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.
- 21.6.1.3 Lebihan/Kurangan: Nyatakan perbezaan di antara pendapatan dan perbelanjaan.
- 21.6.1.4 Lebihan/Kurangan Terkumpul: Nyatakan jumlah untuk tahun berkenaan.
- 21.6.1.5 Aset Tetap: Nyatakan jumlah aset tetap bersih (selepas mengambilkira susut nilai) pada akhir tahun berkenaan. Ia meliputi harta benda seperti tanah, bangunan, kenderaan, kelengkapan, pelaburan, kerja dalam pembinaan dan aset tetap yang lain.
- 21.6.1.6 Aset Semasa: Nyatakan jumlah aset semasa pada akhir tahun berkenaan. Ia meliputi semua aset mudah cair seperti stok, penghutang, simpanan tetap, bon, wang tunai dan baki di bank dan aset semasa yang lain.
- 21.6.1.7 Tanggungan Semasa: Nyatakan jumlah tanggungan semasa pada akhir tahun berkenaan. Tanggungan semasa ialah tanggungan yang akan luput dalam tempoh 12 bulan akan datang. Ia meliputi pemiutang, liabiliti semasa, pinjaman jangka pendek dan liabiliti semasa yang lain.
- 21.6.1.8 Tanggungan Jangka Panjang: Nyatakan jumlah tanggungan jangka panjang pada akhir tahun berkenaan. Ia meliputi liabiliti jangka panjang, pinjaman jangka panjang dan liabiliti jangka panjang yang lain.
- 21.6.1.9 Aset Bersih: Nyatakan nilai aset bersih pada akhir tahun berkenaan. Ia diperolehi dengan menolak jumlah tanggungan daripada jumlah aset.
- 21.6.1.10 Modal Digunakan: Nyatakan jumlah modal digunakan pada akhir tahun berkenaan. Ini juga diperolehi dengan aset tolak tanggungan semasa.



- 21.6.1.11 Rizab Tunai: Nyatakan jumlah rizab tunai pada akhir tahun berkenaan. Ini diperolehi dengan mencampurkan simpanan tetap, wang di bank dan wang dalam tangan.
- 21.6.1.12 Penglibatan Modal: Nyatakan jumlah penglibatan modal iaitu kontrak diluluskan dan terikat serta kontrak diluluskan tetapi belum terikat pada akhir tahun berkenaan.
- 21.6.1.13 Nisbah Kewangan: Nyatakan nisbah kewangan berdasarkan kepada perangkaan kewangan tahun berkenaan untuk memudahkan prestasi Universiti dinilai. Nisbah kewangan yang perlu dinyatakan adalah:
- a. Nisbah semasa: Nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa. Ia memberi gambaran tentang keupayaan Universiti dalam melunaskan pembayaran hutang-hutang jangka pendek.
  - b. Nisbah kecairan: Nisbah antara aset mudah cair dan tanggungan semasa. Ia mengukur kebolehan untuk menghasilkan tunai di sepanjang tahun untuk memenuhi pembayaran tunai hutang/tanggungan semasa.
  - c. Nisbah hutang aset: Nisbah ini diperolehi dengan membahagikan jumlah hutang dengan jumlah aset.
  - d. Nisbah pemilikan (*proprietors ratio*): Nisbah ini diperolehi dengan membahagikan modal digunakan dengan jumlah tanggungan.
  - e. Nisbah modal digunakan dan aset tetap: Nisbah ini diperolehi dengan membahagikan modal digunakan dengan aset tetap.

## 21.7 MAKLUMAT PENCAPAIAN AGENSI

- 21.7.1 Universiti hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat mengenai pencapaian sebenar dari segi objektif yang ditetapkan. Maklumat ini adalah untuk membolehkan Jemaah Menteri menilai prestasi Universiti dari aspek-aspek kecekapan dan keberkesanan dalam penghasilan *output-output* utamanya. Untuk

tujuan ini, Universiti boleh menggunakan petunjuk-petunjuk prestasi seperti berikut:

- 21.7.1.1 Penunjuk Kecekapan hendaklah digunakan untuk menunjukkan setakat mana sumber-sumber Universiti digunakan secara optimum dalam pengeluaran *output*. Terdapat tiga jenis penunjuk kecekapan yang boleh digunakan iaitu:
- a. Kuantiti *Output* - memberi bilangan *output* yang dihasilkan dalam tahun berkenaan;
  - b. Kecekapan Kos - memberi kos purata untuk menghasilkan seunit *output*; dan
  - c. Kecekapan Masa - memberikan purata masa untuk menghasilkan seunit *output*.
- 21.7.1.2 Penunjuk keberkesanan hendaklah digunakan untuk memberi gambaran tentang setakat mana objektif sesuatu program/aktiviti tercapai sebagai hasil pelaksanaan program/aktiviti tersebut.

## **21.8 PENERANGAN RINGKASAN MENGENAI PRESTASI KESELURUHAN UNIVERSITI**

- 21.8.1 Universiti hendaklah memberi penerangan ringkas mengenai prestasi keseluruhan pada sesuatu tahun berkenaan atau memberi penjelasan lanjut mengenai penunjuk-penunjuk prestasi yang digunakan serta perubahan-perubahan dalam kedudukan kewangan pada sesuatu tahun.

## **21.9 TINDAKAN-TINDAKAN DALAM PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN LAPORAN RINGKASAN PRESTASI**

- 21.9.1 Universiti hendaklah mengemukakan Laporan Ringkas Kedudukan Kewangan dan Prestasi Tahunan kepada Kementerian dalam tempoh tiga (3) minggu berakhirnya tahun kewangan.

21.9.2 Universiti hendaklah memberi laporan aktiviti di dalam Memorandum Jemaah Menteri Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Telah Diaudit bagi perkara berikut:

21.9.2.1 Program dan aktiviti yang dilaksanakan dalam tahun yang dilaporkan.

21.9.2.2 Sejauh mana objektif-objektif yang ditetapkan bagi tahun yang dilaporkan dicapai; dan

## **21.10 LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUNAN DAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI**

21.10.1 Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan hendaklah menggunakan angka petunjuk yang sesuai bagi memberi gambaran jelas mengenai pelaksanaan program dan aktiviti termasuk perbandingan di antara kos sebenar dengan kos yang diperuntukkan.